

Tragedi, bencana tindak balas bumi terhadap sikap manusia

Oleh Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Tanggal 22 April disambut sebagai Hari Bumi Sedunia. Ia sebagai usaha berterusan mempromosi dan meningkatkan kesedaran alam sekitar, serta kepentingan melindungi bumi.

Justeru, marilah merenung kembali hubungan kita sebagai insan dengan alam keseluruhannya. Ironinya, masa depan alam sekitar, kualiti kehidupan sejagat dan kesejahteraan generasi masa hadapan berada dalam tangan kita.

Alam sekitar negara kini mengalami beberapa siri kemusnahan yang sukar dibaik pulih, apatah lagi untuk kembali kepada keadaan asal sebelum ia dicemari.

Natijahnya, alam sekitar merosot kualitinya atau musnah akibat perlakuan dan tindak tanduk manusia yang tidak berharmoni dengan alam sekeliling.

Pelbagai komponen alam sekitar memberi perkhidmatan ekosistem terpaksa 'digadai' bagi memberi laluan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kekayaan segelintir masyarakat.

Pembangunan pesat sektor ekonomi dan perindustrian serta kestabilan politik dan sosial, memberikan taraf hidup selesa kepada rakyat dan menaikkan imej negara di kaca mata dunia.

Namun, di sebalik keselesaan dan pembangunan itu timbulnya beberapa masalah sampingan yang boleh memudaratkan kehidupan masyarakat seperti kemerosotan kualiti dan kemusnahan ketara alam sekitar.

Arus pembangunan ke arah menjadikan Malaysia negara maju, mencetuskan pelbagai situasi dengan keadaan pencemaran semakin kritikal.

Ia menyebabkan keupayaan alam sekitar memberikan perkhidmatan semakin terhad. Contoh terbaik, pencemaran sungai yang memberi kesan kepada bekalan air.

Dari semasa ke semasa, dapat dilihat loji rawatan air (LRA) terganggu kerana kadar pencemaran melampaui kemampuannya untuk membersihkan dengan selamat, mengakibatkan bekalan air kerap kali terputus.

Atas faktor itu, United Nations Development Programme (UNDP) menerusi dokumen Human Development Report 1994, menyenaraikan keselamatan alam sekitar dan kesihatan antara dimensi baharu keselamatan manusia.

Alam sekitar yang terjejas bukan hanya boleh mendatangkan kemerosotan kualiti persekitaran, bahkan mengundang bahaya kepada kehidupan manusia.

Perubahan kualiti alam sekitar menimbulkan pelbagai ancaman kesihatan dan kesejahteraan hidup manusia di seluruh dunia dari segi kekurangan bekalan air, peningkatan penyakit berjangkit, kekurangan makanan dan bencana alam.

Maka, hargailah alam sekitar kerana wang tidak boleh mengembalikan alam kepada bentuk asalnya.

Sikap memandang sesuatu dari perspektif keuntungan menimbulkan sifat mengeksploitasi alam sekitar, tanpa mengambil kira kepupusan sumber alam semula jadi.

Akibatnya, berlaku beberapa peristiwa dianggap tragedi hitam kepada negara. Antaranya, tragedi Pos Dipang di Kampar, Perak; tanah runtuh di Genting Highlands, Pahang; pencemaran arsenik di LRA Sungai Ganda di Gerik dan pencemaran Sungai Kim-Kim di Johor. Ini tidak termasuk statistik pencemaran sungai, pemusnahan hutan, kemerosotan dalam bilangan hidupan liar dan segala bentuk penjejasan alam

sekitar lain.

Hutan sebagai komponen utama alam sekitar misalnya, semakin mengecil dan terganggu. Akibatnya, ia sudah tidak mampu memberikan perkhidmatan penting kepada manusia.

Semua ini mengundang bencana berpunca kealpaan kita dalam menjaga alam sekitar, disebabkan terlalu mementingkan keuntungan melalui cara meminimumkan kos ataupun disebabkan kejahilan dalam pengurusan alam sekitar.

Realitinya, tragedi dan bencana alam sekitar yang berlaku, salah satu tindak balas alam sekitar kepada manusia dan persekitaran, akibat pencemaran aktiviti manusia yang melampaui batas.

Maka, segala bentuk pengabaian terhadap alam sekitar perlu dikekang. Apabila alam sudah tercemar, kos merawat dan membaik pulihnya amatlah tinggi.

Mengambil contoh pada 2018, impak pencemaran udara berkaitan bahan api fosil antara AS\$2.8 bilion hingga AS\$6.7 bilion (RM11.7 bilion hingga RM28 bilion) setahun, dengan 10,000 kematian pramatang.

Dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN), ia menyebabkan ekonomi Malaysia kerugian sehingga 1.9 peratus kepada pencemaran udara berkaitan bahan api fosil setiap tahun.

Lantaran itu, kita sewajarnya mempelajari dan mengambil teladan daripada episod pencemaran terdahulu bagi mengelak ia berulang.

Alam sekitar membekal perkhidmatan ekosistem secara percuma untuk memastikan kesihatan ma-

“Arus pembangunan ke arah menjadikan Malaysia negara maju, mencetuskan pelbagai situasi dengan keadaan pencemaran semakin kritikal”



nusia dan hidupan lain terpelihara. Maka, kelestarian dan kesejahteraannya perlu dijadikan asas pertimbangan dalam semua sektor pembangunan.

Sejajar itu, Deklarasi Agenda 21, Persidangan Persekitaran dan Pembangunan di Rio de Janeiro pada 1992, menekankan pentingnya pembangunan lestari dan pemeliharaan alam sekitar berterusan.

Manusia perlu kembali disedarkan bahawa alam sekitar dan komponennya bersifat 'rapuh' dan 'terbatas', bukan kurniaan kekal. Ia akan diwarisi generasi akan datang.

Oleh itu, cara manusia berinteraksi dengan alam akan menentukan kualiti alam sekitar yang akan diwarisi generasi akan datang. Adakah ia kekal indah terpelihara atau sudah tercemar dan musnah.

Sememangnya, kita sangat jarang bersyukur dan berterima kasih kepada alam sekitar.

Kita hanya peka terhadap alam sekitar apabila kawasan kediaman kita tercemar atau berlaku bencana seperti banjir, tanah runtuh, pencemaran air atau jika kawasan hutan diceroboh.

Umumnya, Malaysia masih belum mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan keadaan alam sekitar terkawal dan matlamat pembangunan lestari (SDG) tercapai.

Justeru, langkah penyelesaian bersepadu yang menggabungkan strategi penguatkuasaan peraturan dan undang-undang perlindungan alam sekitar, penggunaan teknologi mesra alam dan pendidikan formal serta informal berterusan, mesti diperkukuh dalam membantu usaha pemeliharaan alam sekitar.

Ternyata, usaha menjaga dan memelihara segenap ruang persekitaran berkait soal kesedaran dan sikap komuniti untuk memastikan persekitaran sentiasa bersih dan sihat untuk didiami.

Ia diikuti keperluan pendekatan bersepadu membabitkan semua pemegang taruh yang disokong perancangan strategik dan sistematik berteraskan kelestarian dalam menguruskan alam sekitar negara, supaya terpelihara sebaik mungkin.

Jika semua pendekatan ini gagal dipraktikkan dengan jayanya, tidak mungkin wujud penyelesaian terimbang antara keperluan pemuliharaan alam sekitar dan penggunaan sumber asli dengan aktiviti pembangunan, menyebabkan pembangunan sentiasa mendominasi keperluan melestarikan alam sekitar.

